

1.

Pengiktirafan oleh Pegawai British-Malaya antaranya Newbold memperakui bahawa undang-undang raja yang dilaksanakan oleh kerajaan Melayu walaupun terdapat perbezaan antara satu sama lain, adalah bersumberkan Perlembagaan Melaka yang diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka.
 Sumber: *bharian.com.my/kolumnis* 25 Februari 2017

(a) Senaraikan **dua** undang-undang yang digunapakai dalam Kesultanan Melayu Melaka.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah hukuman atas perbuatan jenayah dilaksanakan dalam undang-undang di (a)?

.....

[4 markah]

(c) Prinsip kepatuhan kepada undang-undang termaktub dalam Rukun Negara keempat.

Kedaulatan undang-undang

Jelaskan kesan pengamalan prinsip tersebut kepada masyarakat di Malaysia?


.....

[4 markah]



PERAK (SOALAN 1)

2. Rajah berikut menunjukkan sistem perundangan yang dilaksanakan dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka



(a) Nyatakan **dua** perkara yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah Undang-Undang Laut Melaka berjaya mewujudkan kegemilangan kerajaan tersebut?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Apakah kepentingan undang-undang ?

.....

.....

.....

.....

SKEMA MS 55

[4 markah]

MELAKA (SOALAN 1)

3. Maklumat berikut berkaitan fasal Hukum Kanun Melaka .

Fasal 4:Jenayah hukum Hudud
“Adapun jikalau ia mencuri maka tertangkap lalu dibunuhnya maka kenalah denda dia setengah harganya. Adapun pada hukum Allah orang yang mencuri itu tiada harus dibunuh melainkan dipotong tangannya. ”
Sumber:<http://journalarticle.ukm.my>

(a) Terangkan maksud fasal tersebut?

.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Mengapakah Hukum Kanun Melaka diperkenalkan?

.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Bagaimanakah undang-undang dapat menjamin kesejahteraan sesebuah negara?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]



4. Berikut adalah waadat antara golongan pemerintah dengan golongan diperintah

Sang Sapurba : Barang siapa hamba Melayu derhaka mengabaikan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbungan rumah ke bawah kaki ke atas.

Demang Lebar Daun : Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya

(a) Apakah tujuan waadat tersebut?

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah golongan rakyat menunjukkan kesetiaan kepada pemerintah?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Wajarkah waadat tersebut dipertahankan pada masa kini?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]



5. Pemodenan yang dilaksanakan oleh raja-raja Thailand dalam aspek politik ekonomi dan sosial telah menyelamatkan Thailand daripada dijajah oleh kuasa-kuasa Barat.

(a) Nyatakan dua tokoh pemodenan dalam gerakan nasionalisme di Thailand.

i)

ii)

(2 markah)

(b) Jelaskan pemodenan pentadbiran yang dilaksanakan oleh tokoh di atas.

.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

(c) Jelaskan bagaimana pemodenan yang dilaksanakan berjaya menyelamatkan Thailand daripada penjajahan.

.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

6. Penjajahan kuasa Barat pada abad ke-19 telah menggerakkan kemunculan semangat nasionalisme di Asia Tenggara.

(a) Jelaskan perkembangan nasionalisme di Thailand. [6 markah]

(b) Huraikan gerakan nasionalisme di Indonesia. [6 markah]

(c) Baca maklumat berikut.

Patriotisme adalah satu perkara yang amat penting kepada rakyat setiap negara. Perkataan ini bukan sekadar luahan perasaan tetapi menuntut kepada penghayatan oleh setiap warganegara.

Patriotisme juga bukan sekadar semangat, tetapi ia merupakan sesuatu yang agung melibatkan soal keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan.

Nasionalisme adalah gerakan mencipta masyarakat yang lebih terbuka untuk mendapatkan kebahagiaan perseorangan, bagi menjamin kemerdekaan warganegara dan membebaskan akal dan fikiran. Dengan kata lain, nasionalisme itu adalah satu semangat.

Oleh itu, kebudayaan seperti agama, bahasa dan lain-lain boleh menimbulkan semangat nasionalisme. Melalui elemen-elemen tersebut juga, nasionalisme mampu mewujudkan semangat yang dapat melahirkan satu identiti baharu bagi negara yang dijajah. Semangat nasionalisme juga dapat melahirkan perasaan bersatu padu antara rakyat yang dijajah.

Sumber : <https://www.sinarharian.com.my/article/99031>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesannya kepada negara jika diamalkan. [8 markah]

7

- (a) Jelaskan maksud nasionalisme. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah sistem pendidikan serta pengaruh luar dan serantau mempengaruhi gerakan nasionalisme di negara kita? [8 markah]
- (c) Jelaskan kepentingan semangat nasionalisme dalam memajukan negara kita. [8 markah]

SKEMA MS 61-62

8. Perang Dunia Kedua (1939 – 1945) yang berlaku di Eropah dan Asia Pasifik melibatkan Kuasa Paksi dan Kuasa Bersekutu.

(a) Namakan **dua** negara yang terlibat dalam perang tersebut.

i)

ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan faktor yang mencetuskan Perang Dunia Kedua.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Apakah iktibar yang boleh diambil untuk mengelakkan peperangan berlaku pada masa kini?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]



9. Perang dunia kedua (1939-1945) berlaku di dua medan pertempuran iaitu di Eropah dan Asia.

(a) Jelaskan kemunculan ideologi baharu yang membawa kepada teretusnya Perang Dunia Kedua

(i) Ideologi Fasisme

[3 markah]

(ii) Ideologi Nazisme

[3 markah]

(b) Huraikan peristiwa Perang Dunia Kedua di Eropah.

[6 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Buku “Nuclear Weapons: The State Of Play” menyatakan bahawa risiko perang nuklear semakin meningkat di sebalik jumlah senjata nuklear yang lebih kecil berbanding sewaktu perang dunia. Ini memandangkan lebih banyak negara yang semakin tidak stabil di samping jumlah kumpulan pengganas yang semakin meningkat. Di samping itu, Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Datuk Hussein Haniff berkata, amat menyedihkan bahawa usaha pelucutan senjata yang menjadi keutamaan tertinggi masyarakat antarabangsa masih jauh dari sasarannya. Kurang kesungguhan politik akan terus menjejaskan usaha mencapai permuafakatan di samping menjadikan usaha pelbagai jenis jentera ke arah pelucutan kurang berhasil.

Sumber : <https://www.bernama.com.my>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan berikan komen anda.

[8 markah]

10. Penetapan misi dan visi serta aturgerak yang praktikal dengan penerapan semangat juang yang tinggi dan bermotivasi merupakan faktor utama kemenangan negara Jepun dalam Perang Dunia Kedua. Slogan Asia untuk Asia telah memulakan perang dengan sasaran pertama ke atas China dan Korea yang kemudiannya diikuti oleh peperangan menakluki wilayah Manchuria dan seterusnya Kepulauan Pasifik dan Tanah Melayu semenjak awal 1930-an.

Sumber : http://conference.kuis.edu.my/pasak3/images/eprosiding1/PASAK3_1208.pdf

- (a) Mengapakah Jepun menjalankan imperialisme di rantau Asia Pasifik dalam kempen Perang Dunia Kedua?
[4 markah]
- (b) Bagaimanakah penentangan rakyat terhadap pendudukan Jepun di negara kita?
[8 markah]
- (c) Baca petikan berikut.

Perlumbaan pembikinan senjata nuklear melibatkan kuasa-kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, Rusia, Britain, Perancis, China, Korea Utara, Israel, Iran Pakistan dan India. Lebih mendukacitakan apabila ada antara negara tersebut sengaja melanggar resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam mengawal aktiviti tersebut.

Menurut laporan *Agence France-Presse* (AFP), kuasa nuklear dunia terutama China telah meningkatkan perbelanjaan bagi pembelian senjata untuk negaranya dalam tiga tahun berturut-turut sehingga tahun 2022, iaitu ketika geopolitik semakin memuncak. Sembilan buah negara bersenjata nuklear dunia secara bersama-sama membelanjakan A.S.\$82.9 bilion (RM383.12 bilion) bagi tujuan pengeluaran senjata mereka pada tahun 2022. Separuh daripada perbelanjaan itu dilakukan oleh Amerika Syarikat.

Sementara itu, laporan Institut Penyelidikan Keamanan Antarabangsa Stockholm (SIPRI) pula menunjukkan jumlah kepala peledak nuklear yang dimiliki oleh Britain, China, Perancis, India, Israel, Korea Utara, Pakistan, Rusia dan Amerika Syarikat berkurangan kepada 12,512 peledak pada awal tahun ini berbanding 12,710 peledak pada awal tahun 2022. Walaupun sebahagian daripadanya termasuk kepala peledak lama yang dijadualkan untuk dileraikan, namun 9,576 berada dalam “stok tentera dengan potensi untuk digunakan” iaitu lebih 86 berbanding dengan tahun sebelumnya dan angka ini telah mula meningkat.

Sumber: Dewan Masyarakat. Julai 2023

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan ramalkan masa depan dunia.

[8 markah]

11. Dasar pemerintahan Jepun semasa menduduki Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah telah membawa kepada perkembangan nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan.

(a) Huraikan dari aspek berikut:

(i) Perkembangan Semangat Antipenjajah [4 markah]

(ii) Perjuangan Menuntut Kemerdekaan dalam kalangan Orang Melayu [4 markah]

(iii) Kesedaran politik di Sarawak dan Sabah [4 markah]

(b) Dalam era globalisasi konsep sempadan dan keselamatan negara bangsa adalah antara fokus utama yang menjadi agenda setiap unit politik untuk mempertahankannya. Keutuhan sempadan dan keselamatan dalam era globalisasi bukan hanya boleh digantung harap kepada kekuatan ketenteraan semata-mata kerana ketenteraan hanya bertindak sebagai penampan sempadan dan keselamatan secara fizikal sahaja. Dengan konsep sempadan dan keselamatan yang semakin luas maknanya dalam era globalisasi, maka kesedaran nasional atau nasionalisme Malaysia dilihat memainkan peranan yang sangat signifikan dalam menjamin keutuhan Malaysia sebagai unit politik, khususnya bagi masyarakat atau komuniti yang mendiami kawasan garis sempadan.

Journal of Public Security and safety
<https://www.moha.gov.my/>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan kesan sekiranya sempadan negara mudah dicerobohi.

[8 markah]

12. Persekutuan Tanah Melayu (PTM) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 selepas mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

(d) Nyatakan tiga pihak ahli Jawatankuasa Kerja penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

i)

ii)

iii)

[3 markah]

(e) Senaraikan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(f) Jelaskan kepentingan usaha-usaha untuk mempertahankan kemerdekaan pada hari ini.


.....

.....

.....

.....

[4 markah]



13. Persekutuan Tanah Melayu diperkenalkan bagi menggantikan Malayan Union 1946 namun ditolak oleh golongan PUTERA-AMCJA

(a) Senaraikan dua ciri perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

i).....

ii).....
[2 markah]

(b) Mengapakah golongan PUTERA-AMCJA menolak rangka perlembagaan tersebut ?

.....
.....
.....
[4 markah]

(c) Dewan Perniagaan Cina Malaysia mendakwa bahawa penubuhan Persekutuan Tanah Melayu adalah suatu polisi British melaksanakan "Malaya untuk orang Melayu".
Sebagai rakyat yang patriotik,beri hujah anda bagi menyangkal dakwaan ini. ?

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

TINGKATAN 4 : BAB 6 ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

14. Kerajaan British telah mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu pada 16 Jun 1948 yang berlangsung hingga 1960, iaitu selama 12 tahun. Tempoh ini merupakan titik hitam dalam sejarah negara yang perlu dijadikan bahan renungan generasi terkini.

(a) Jelaskan peristiwa yang membawa kepada pelaksanaan darurat di Tanah Melayu.

[4 markah]

(b) Huraikan kesan zaman darurat yang menggugat keamanan dan kestabilan kehidupan penduduk tempatan.

[8 markah]

(c) Teliti pernyataan berikut.

Bagi rakyat Malaysia hari ini, kita harus menghargai pengorbanan generasi silam yang bertungkus-lumus untuk menjadikan negara ini aman damai sebagai bumi tumpah darah kita yang sewajarnya dipertahankan bersama dengan apa cara juga sekalipun demi kesinambungan generasi sebuah negara tercinta.

Sumber: *Mingguan Siasah*, 16 – 22 Mac 2012

Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah generasi muda kini dapat mempertahankan keamanan negara?

[8 markah]

TINGKATAN 4 : BAB 7 USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

15. Selepas Perang Dunia Kedua British menjalankan dasar dekolonisasi di Tanah Melayu dengan memperkenalkan Sistem Ahli pada tahun 1951.

(a) Jelaskan maksud Sistem Ahli

.....

[2 markah]

(b) Senaraikan ciri-ciri Sistem Ahli di Tanah Melayu.

.....

[4 markah]

(c) Teliti gambar anggota Sistem Ahli berikut:



Sumber buku teks: m.s. 178

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam gambar tersebut dan kepentingan pembentukan Sistem Ahli ke arah kemerdekaan negara.

.....

[4 markah]



SABAH
 PERLIS

16. Sistem Ahli telah dilaksanakan pada tahun 1951 hingga tahun 1955.

- (a) Terangkan latar belakang pembentukan Sistem Ahli [6 markah]
- (b) Jelaskan ciri-ciri Sistem Ahli. [6 markah]
- (c) Sejauhmanakah pelaksanaan Sistem Ahli memberikan faedah kepada pemerintahan negara? [8 markah]

SKEMA MS 76-77

17. Sistem Ahli yang diperkenalkan pada 1 April 1951 merupakan satu langkah bagi menyediakan Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri.

(c) Teliti poster berikut.



Sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Sistem Ahli dalam membentuk negara dan bangsa Malaysia sehingga kini? [8 markah]

18. Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan telah diadakan pada tahun 1955.

a. Mengapakah pilihan raya tersebut diadakan?

.....

[2 markah]

b. Bagaimanakah Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 dilaksanakan?

.....

[4 markah]

c. Jadual di bawah menunjukkan perkembangan kerjasama politik di Malaysia.

Tahun pembentukan	Kerjasama politik
1954	Parti Perikatan
1974	Parti Perikatan menukar nama kepada Barisan Nasional
1999	Barisan Alternatif
2008	Pakatan Rakyat

Mengapakah kerjasama politik berkembang dalam amalan demokrasi di negara kita sehingga hari ini?

.....

[4 markah]

19. Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955, mengalami perubahan dalam keanggotaan dan peranan Majlis.
- (a) Nyatakan keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan 1955? [4 *markah*]
- (b) Jelaskan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 terhadap pentadbiran negara. [8 *markah*]
- (c) Apakah harapan anda terhadap ahli Majlis Perundangan Persekutuan yang dilantik pada masa tersebut. [8 *markah*]

SKEMA MS 78

TINGKATAN 4 : BAB 9 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

20. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 (PTM 1957) merupakan asas dan panduan negara yang merdeka.

a. Jelaskan inti pati Perjanjian PTM 1957. [6 markah]

b. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadi asas dalam pembinaan negara.

Buktikan pernyataan diatas. [6 markah]

c. Baca maklumat dalam petikan berikut.

Perlembagaan Persekutuan memperakui dan menerima bentuk pembinaan negara bangsa Malaysia yang dipersetujui oleh negarawan kemerdekaan negara antaranya, Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Loke dan Tun V T Sambanthan. Perlembagaan itu dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman damai dan perpaduan.

Perlembagaan Persekutuan menggariskan pasak negara, iaitu kedudukan Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Perkara 153 menjaga kedudukan orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Mengambil kira rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan, Raja Berperlembagaan menjadi simbol perpaduan, bahasa ibunda boleh dipelajari, agama lain diamalkan dan Perkara 153 juga menjamin kepentingan minoriti lainnya.

Hakikatnya, tiada negara dalam dunia tidak memiliki kumpulan etnik yang menjadi pengasasnya. Nyata daripada pembentukan Perlembagaan Persekutuan, Malaysia sebuah negara berasaskan etnik, anak watannya Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak dan warganegaranya terdiri kepelbagaian etnik dan agama.

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

21. (a) Jelaskan langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. [6 markah]
- (b) Terangkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [6 markah]
- (c) Baca petikan berikut.

Perlembagaan negara kita unik kerana ia terhasil melalui perjuangan orang Melayu menolak Malayan Union dan perjuangan kemerdekaan menghasilkan Perjanjian Kemerdekaan 1957. Melalui kontrak sosial, semua kaum diberikan jaminan hak timbal balas kepada kerelaan mereka melepaskan sebahagian daripada hak yang lain. Orang Melayu mendapat hak keistimewaan, jaminan kedudukan agama Islam, bahasa Melayu, tanah rizab Melayu dan hak-hak yang lain. Kaum lain mendapat jaminan hak mengamalkan adat resam, bahasa dan agama masing-masing. Di samping hak mereka yang terpenting iaitu hak kewarganegaraan untuk berkongsi hidup sebagai rakyat di bumi Malaya ini. Inilah amanah besar keharmonian negara yang tidak boleh diubah oleh kuasa majoriti 2/3 di Dewan Rakyat tanpa persetujuan Majlis Raja-raja Melayu.

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan implikasi terhadap negara sekiranya perlembagaan negara tidak dipatuhi. [8 markah]

TINGKATAN 4 : BAB 10 PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

22. Gambar menunjukkan peristiwa yang berlaku pada malam 31 Ogos 1957.
 (a) Apakah peristiwa bersejarah berdasarkan gambar di bawah?



Gambar X



Gambar Y

- (i) X :
- (ii) Y :

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah anda dapat menjiwai detik bersejarah berdasarkan gambar di (a) ?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Baca pernyataan berikut.

Walaupun terpaksa meredah hujan dan berjalan kaki selama satu setengah jam untuk menuju ke lokasi pengisytiharan, namun saya tetap berasa puas. Sebaik sahaja Tunku Abdul Rahman Putra melaungkan merdeka sebanyak tujuh kali perasaan sebak menguasai diri. Itulah ungkapan veteran UMNO, Tan Sri Zaleha Ismail apabila diminta berkongsi pengalaman beliau ketika meraikan detik pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.

Sumber : diubah suai daripada akhbar *Utusan Malaysia*, 3 September 2022

Apakah nilai yang boleh diambil daripada pernyataan di atas?

[4 markah]

23. Persediaan yang rapi telah diatur bagi menyambut pemsyukuran kemerdekaan Tanah Melayu.

(a) Jelaskan persediaan pemsyukuran kemerdekaan yang dibuat oleh jawatankuasa berikut:

i) Jawatankuasa Persediaan Fizikal [3 markah]

ii) Jawatankuasa Sambutan [3 markah]

(b) Terangkan upacara sambutan pemsyukuran kemerdekaan yang menjadi detik bersejarah negara kita.

[6 markah]


(c) Gambar berikut menunjukkan peristiwa pemsyukuran kemerdekaan negara kita.



Jelaskan perasaan anda jika berada dalam peristiwa tersebut.

[8 markah]

24. Rajah berkaitan takrif kedaulatan.



(a) Nyatakan takrif kedaulatan.

.....
.....

[2 markah]

(b) Apakah kepentingan menjaga kedaulatan negara?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Setiap negara dunia hari ini mengamalkan pelbagai jenis kedaulatan.

Cadangkan langkah-langkah untuk mempertahankan kedaulatan negara.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

TINGKATAN 5 : BAB 2 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

25. Penyataan berikut berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan.

“Di Malaysia, Islam termaktub sebagai agama Persekutuan, namun sudah lama kebebasan beragama diamalkan. Hak ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Bukan semata-mata untuk Islam tetapi hak-hak kepercayaan agama-agama yang lain selama mana ia tidak mengganggu ketenteraman, menyusahkan atau tidak membawa kepada mudarat mana-mana pihak,” - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri

Sumber: *Harian Metro*, 17 April 2021

(a) Jelaskan ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan?

[6 markah]

(b) Terangkan aspek pindaan yang terdapat dalam Pindaan Perlembagaan pada tahun 1963.

[6 markah]

(c) Pindaan Perlembagaan dapat menjamin kesejahteraan dan kedaulatan negara sehingga hari ini. Huraikan kepentingan pindaan perlembagaan dalam mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat pelbagai kaum?

[8 markah]

SKEMA MS 90

26. Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara.

(a) Jelaskan asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan.

[4 markah]

(b) Terangkan ciri-ciri Perlembagaan Persekutuan.

[8 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

KUALA LUMPUR: Kerajaan dijangka membentangkan pindaan Perlembagaan Persekutuan berkenaan isu kewarganegaraan anak kepada wanita rakyat [Malaysia](#) dan pasangan warga asing yang lahir di luar negara dalam sidang Dewan Rakyat, September ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu terlebih dahulu akan dikemukakan dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja yang berlangsung dalam minggu ini. Katanya, beberapa isu kritikal menyumbang kepada cabaran dihadapi oleh orang tanpa kerakyatan di Malaysia bagi kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara kepada ibu Malaysia. Langkah itu bagi membolehkan kanak-kanak yang dilahirkan oleh wanita warga Malaysia di luar negara mendapat hak kerakyatan negara ini, sama seperti anak kepada bapa warga Malaysia yang lahir di luar negara.

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesannya terhadap negara sekiranya daya usaha kerajaan tidak berjaya.

[8 markah]

SKEMA MS 91-92

TINGKATAN 5 : BAB 3 RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

27. Malaysia bukanlah kerajaan beraja yang mutlak ataupun yang turun-temurun tetapi Malaysia mempunyai Raja bergelar Yang di-Pertuan Agong yang bersemayam selama 5 tahun, mengikut satu sistem yang unik di dunia. Baginda dipilih oleh Majlis Raja-raja menurut kaedah dan cara yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga Perlembagaan dan Peraturan-peraturan Majlis Raja-raja.

Sumber: <https://www.majlisraja-raja.gov.my>

- a. Bagaimanakah Yang di-Pertuan Agong dilantik?

.....

[2 markah]

- b. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas dalam pemerintahan negara meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman. Jelaskan kuasa dan peranan Yang-di Pertuan Agong dalam kuasa perundangan.

.....

[4 markah]

- c. Soalan berdasarkan petikan di bawah.

Selain itu, Raja-raja Melayu juga telah menjadi benteng penghalang daripada memudahkan imperialis British melakukan penjajahan mutlak. Di samping berperanan menjadi benteng yang memelihara adat dan undang-undang Islam yang diguna pakai ketika itu diubah dan dibuang sepenuhnya oleh penjajah British. British sekadar berupaya memperkenalkan sistem Residen, satu bentuk penjajahan tidak langsung atau pemerintahan *de facto* yang masih mengekalkan kedaulatan Raja Melayu.

Sumber: <https://www.mais.gov.my>

Berdasarkan petikan, mengapakah sistem Raja Berperlembagaan perlu dipertahankan?

.....

28. Baca petikan berikut.

Kedudukan Yang di-Pertuan Agong satu-satunya jawatan unik di dunia. Yang di-Pertuan Agong dipilih Majlis Raja-Raja dalam kalangan sembilan Raja Melayu bagi tempoh lima tahun, sekali gus tidak memegang jawatan itu seumur hidup seperti raja lain di dunia.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>

(a) Nyatakan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam pemerintahan negara.

.....

[4 markah]

(a) Poster berikut berkaitan hubungan antara raja dengan rakyat.




Terangkan mesej yang terkandung dalam poster.

.....

[4 markah]



29. Gambar berikut menunjukkan ciri-ciri demokrasi yang terdapat dalam pentadbiran negara kita.



(a) Nyatakan dua kepentingan pilihan raya dalam negara demokrasi?

i).....

ii).....

[2 markah]

(b) Jelaskan fungsi badan pemerintahan berikut:

i) Badan Perundangan

.....

.....

[2 markah]

ii) Badan Eksekutif (Jemaah Menteri)

.....

.....

[2 markah]

(c) Mengapakah sistem pemerintahan beraja dan amalan demokrasi perlu dipertahankan di negara kita?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

30. Pernyataan berikut berkaitan Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan.

**PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN**

Bahagian IV

Bab 1-Ketua Utama Negara

Perkara 32 : Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan isterinya

(1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

- (a) Jelaskan kedudukan Institusi Yang di-Pertuan Agong berdasarkan perlembagaan tersebut. [4 markah]

- (b) Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas dalam pemerintahan di negara kita.

Jelaskan kuasa baginda dalam aspek berikut :

- (i) Kuasa Eksekutif [4 markah]
 (ii) Kuasa Perundangan [4 markah]

- (c) Petikan berita berikut berkaitan institusi Raja Berperlembagaan di negara kita.

Sistem pemerintahan beraja menjadi pelengkap serta semak dan imbang kepada sistem pemerintahan demokrasi. Inilah yang menjadi asas kestabilan politik Malaysia selama ini. Kestabilan politik ini pula menyumbang keharmonian dan kesepaduan sosial, kemakmuran ekonomi dan kesohoran global. Dalam politik Malaysia yang semakin kompleks, peranan institusi Yang di Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja semakin relevan dan signifikansi.

Sumber : <https://www.bharian.com.my>

- Beri ulasan anda berkaitan pernyataan tersebut. [8 markah]

TINGKATAN 5 : BAB 4 SISTEM PERSEKUTUAN

31. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan dengan menggabungkan beberapa buah negeri.

(a) Nyatakan **dua** bentuk kerajaan dalam sistem Persekutuan negara kita.

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah keluhuran Perlembagaan dapat mengukuhkan sistem Persekutuan?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Mengapakah sistem Persekutuan negara kita perlu dipertahankan?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]



32. Sejarah sistem Persekutuan di Malaysia bermula pada tahun 1896 hingga tahun 1963 dan diperkukuh melalui kerjasama serta penyelarasan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

(a) Jelaskan latar belakang sistem Persekutuan di negara kita. [6 markah]

(b) Jelaskan faktor yang mengukuhkan pelaksanaan sistem Persekutuan. [6 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

PUTRAJAYA: Kerajaan Persekutuan menambah baik pemberian dan sokongan kepada kerajaan negeri menerusi Mesyuarat Majlis Kewangan Negara 2023. Antaranya ialah meningkatkan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Pemberian TAHAP) kepada RM400 juta.

Kementerian Kewangan akan menambah peruntukan sebanyak RM250 juta bagi penyelenggaraan berkala Jalan Persekutuan supaya sentiasa selamat dan selesa untuk kegunaan rakyat.

Bagi tujuan penambahbaikan ke atas pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri, Kementerian Kewangan bersetuju mempertimbangkan dan meminda kaedah pengeluaran kepada secara bayaran kemajuan kerja melibatkan pinjaman baharu bagi projek-projek pembangunan di bawah Rolling Plan Rancangan Malaysia.

Pemberian-pemberian ini diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya kerajaan negeri bagi demi pembangunan negara lebih seimbang selaras dengan gagasan Malaysia Madani.

Sumber ubah suai: <https://www.utusan.com.my>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kepentingan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. [8 markah]

33. Rajah berikut menunjukkan langkah-langkah pembentukan Malaysia.



(a) Nyatakan:

- (i) X:
 - (ii) Y:.....
- [2 markah]

(b) Penubuhan Suruhanjaya Cobbold bukti penubuhan Malaysia dibuat dengan persetujuan rakyat. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Apakah pengajaran yang anda peroleh daripada kejayaan dalam pembentukan Malaysia?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



34. Idea pembentukan Malaysia telah dikemukakan pada akhir abad ke-19 yang melibatkan pihak British dan penduduk tempatan.

(a) Jelaskan cadangan yang dikemukakan oleh penduduk tempatan ke arah pembentukan Malaysia.

[4 markah]

(b) Terangkan langkah-langkah pembentukan Malaysia.

[8 markah]

(c) Baca dan fahami maklumat dalam petikan berikut.

KUALA LUMPUR: Hari Malaysia yang disambut pada 16 September setiap tahun mempunyai signifikan yang sama dengan sambutan Hari Kebangsaan dan perlu dijiwai oleh seluruh rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan ideologi politik

Temenggong Bidayuh Bahagian Kuching Datuk Austin Dimin berkata, “ia kerana sambutan berkenaan antara lain dapat memastikan perpaduan yang menjadi tunjang kekuatan negara dipelihara selain membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan belia.”

“Sesungguhnya, segala kejayaan yang dicapai hari ini ditunjangi oleh usaha pengorbanan pejuang-pejuang kita yang terdahulu. Tidak kurang juga ada dikalangan rakyat yang mengimbau kembali bibit perjuangan dan pengorbanan dilalui oleh ahli keluarga atau mungkin nenek moyang dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan dan kesejahteraan negara seperti yang dikecapi hari ini.”

“Mungkin bagi generasi baharu, perjuangan dan pengorbanan itu hanya didengar dan difahami daripada kisah diceritakan oleh ibu bapa atau datuk nenek selain menerusi buku teks sekolah, gambar, video, lokasi sejarah, serta mungkin artifak yang dapat diakses daripada pelbagai medium,” katanya.

Justeru, beliau berkata, “aktiviti promosi dan hebahan Hari Malaysia perlu diteruskan dan dipupuk supaya generasi akan datang terus memahami susur galur sejarah negara yang penuh dengan perjuangan dan pengorbanan tokoh-tokoh terdahulu dalam usaha membina negara.”

Sumber: <https://www.astroawani.com>.

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan usaha-usaha untuk menghargai perjuangan tokoh-tokoh negara.

[8 markah]

TINGKATAN 5 : BAB 6 CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

35. Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang menggugat keharmonian negara.

Peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 merupakan peristiwa pertumpahan darah yang dahsyat yang hampir menghancurkan negara.

(a) Apakah faktor yang menyebabkan tercetusnya peristiwa tersebut?

.....

[2 markah]

(b) Terangkan langkah yang diambil bagi menghentikan peristiwa rusuhan 13 Mei 1969.

.....

[4 markah]

(c) Teliti maklumat berikut.

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah, keutuhan keharmonian menerusi gagasan perpaduan berlandaskan prinsip Perlembagaan Persekutuan perlu dijadikan agenda utama, demi negara.

Al-Sultan Abdullah bertitah, semangat muhibah dan saling menghormati antara kaum adalah asas kestabilan, manakala agenda perpaduan dalam konteks kebudayaan juga perlu diberi tumpuan melalui pelaksanaan program berorientasikan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Sumber: *bhnews@bh.com.my*, 13 Februari 2023

Mengapakah keharmonian kaum di negara kita perlu dikekalkan?

.....

[4 markah]



36. Kegiatan Komunis menjadi ancaman keselamatan negara sejak sebelum merdeka sehingga negara merdeka.

(a) Apakah bentuk ancaman yang dilancarkan oleh pihak Komunis kepada keselamatan di Sarawak.

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) *Kejayaan dasar luar Malaysia dapat diukur dengan wujudnya hubungan baik-baik antara negara serta kerjasama yang erat dalam bidang ekonomi, politik, pertahanan serta kebudayaan pada peringkat antarabangsa.*

sumber: <http://bernama.com>

Pada pandangan anda, bagaimanakah hubungan baik dengan negara luar dapat diperkukuh?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]



37. Peristiwa rusuhan kaum berlaku pada 13 Mei 1969 bermula beberapa hari setelah diadakan Pilihan Raya Umum Ketiga. Keputusan pilihan raya menyebabkan berlakunya ketegangan antara penyokong parti politik memprovokasikan keadaan.

(a) Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum di negara kita. [6 markah]

(b) Pengisytiharan perintah darurat yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mei 1969 ke seluruh negara adalah antara usaha mengelakkan kekacauan dan menghentikan rusuhan serta menghalang daripada merebak ke bandar-bandar lain. Terangkan. [6 markah]

(c) Baca maklumat pada petikan berikut.

KUALA LUMPUR - Peristiwa berdarah rusuhan kaum paling dahsyat di negara ini pada 13 Mei 1969, perlu menjadi pengajaran betapa pentingnya masyarakat berbilang kaum di negara ini untuk terus bersatu padu dan hidup dalam harmoni.

Pengajaran daripada peristiwa 50 tahun lepas itu penting bukan untuk rakyat sahaja dari segi kerukunan, namun bagi meningkatkan kemajuan negara. Peristiwa 13 Mei memberi peringatan tentang kebenaran peribahasa kalah jadi abu, menang jadi arang kerana konflik itu merugikan semua kaum, selain menjejaskan imej negara di persada antarabangsa.

Kejadian itu turut menuntut keperluan menghormati kontrak sosial (kini Perlembagaan Persekutuan) tentang agama Islam, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa kaum Melayu dan kelompok asal Sabah dan Sarawak, serta kedaulatan raja Melayu.

Peristiwa ini perlu selalu diperingat kepada rakyat untuk memastikan ia tidak berulang lagi dengan menentukan hubungan etnik sentiasa baik. Keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara ini boleh kembali terjejas dengan perkembangan etnopolisme, iaitu fahaman yang mengarah kepada pembahagian masyarakat kepada dua kelompok berdasarkan kaum dan agama, yang berpotensi bersengketa antara satu sama lain.

Semua pihak perlu memberi perhatian utama kepada soal perpaduan kaum yang harus dipertingkatkan di Semenanjung Malaysia dan integrasi wilayah yang lebih baik antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kerajaan juga perlu mengambil tindakan tegas dan segera terhadap pihak yang membangkitkan sentimen perkauman dan menghina agama.

Sumber ubah suai : <https://www.sinarharian.com.my/>

Beri ulasan anda.

[8 markah]

38. Selepas pembentukan Malaysia, negara kita menghadapi pelbagai cabaran.

(a) Jelaskan cabaran berikut

(i) Isu pembangunan ekonomi

[3 markah]

(ii) Tragedi hubungan antara kaum

[3 markah]

(b) Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah di 8(a)?

[6 markah]

(c)

“Cabaran dan ancaman paling dekat, yang sangat kritikal, yang boleh meruntuhkan negara dengan pantas adalah ledakan lava kemarahan sesama rakyat berpunca daripada perselisihan kaum dan agama”.

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/56511/berita/nasional/>

Huraikan kesan terhadap negara sekiranya ancaman tersebut berlaku.

[8 markah]

SKEMA MS 110-112

TINGKATAN 5 : BAB 7 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

39. Petikan berikut adalah ucapan semasa perasmian Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971.

“Kita mesti menggubal satu identiti bangsa Malaysia dengan mengambil kira semua kaum dan agama. Saya menegaskan bahawa sudah sampai ketikanya bagi kita menentukan identiti dan keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat sebagai bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini’

Sumber: Abdul Aziz Rahman. "100 Wira Negara" dalam MUBARAK 14 April 2017, Kuala Lumpur

- (a) Nyatakan tiga prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

- (i)
- (ii)
- (iii) [3 markah]

- (b) Mengapakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan diperkenalkan?

.....

 [3 markah]

- (c) Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan mampu memperkukuh keselamatan negara?

.....

 [4 markah]

40. Rukun Negara dibentuk ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969 yang berlaku di negara kita

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan Rukun Negara?

.....
.....

[2 markah]

(b) Rukun Negara dibentuk untuk mencapai beberapa matlamat. Terangkan matlamat Rukun Negara berikut:

i) Masyarakat Demokratik

.....
.....

ii) Masyarakat Adil

.....
.....

[4 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan di bawah.

Kelab Rukun Negara menjadi peneraju perpaduan di sekolah-sekolah, kita akan luaskan penubuhannya. Makluman akan diberikan dari semasa ke semasa. Kelab ini bertujuan memastikan program perpaduan berjalan selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perpaduan Negara,"
Astro Awani, 15 Ogos 2023

Pada pendapat anda, wajarkah penubuhan kelab Rukun Negara.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]



41. Dunia pendidikan pada masa kini semakin mencabar bagi memastikan matlamat melahirkan modal insan yang hebat tercapai.

(a) Jelaskan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.

[4 markah]

(b) Baca Falsafah Pendidikan Kebangsaan berikut.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Bagaimanakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan berjaya melahirkan modal insan yang hebat?

[8 markah]

(c) Petikan berikut berkaitan isu keciciran murid di Malaysia.

"Kegagalan murid menguasai dengan baik tiga kemahiran asas - membaca, menulis dan mengira (3M) akan memberi kesan kepada pembelajaran mereka di peringkat tinggi dan seterusnya ketinggalan sekiranya tiada langkah intervensi diambil," kata Prof Madya Dr Azlin Norhaini Mansor.

Menurut Pengerusi Pusat Kajian Kepimpinan dan Polisi Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu, kesan daripada masalah berkenaan akan dapat dilihat dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang, khususnya dari segi kualiti modal insan pada masa tersebut.

"Unesco menganggarkan 50 peratus murid langsung tidak hadir ke sekolah sepanjang pandemik. Walaupun tiada data yang jelas tentang situasi di Malaysia, saya jangkakan keadaan hampir sama berlaku di sini," katanya.

Menurut beliau, situasi itu membimbangkan kerana kajian di luar negara mendapati penutupan sekolah selama lapan minggu sudah boleh menyebabkan kehilangan pembelajaran.

Sumber ubah suai : <https://majoriti.com.my>, 12 Januari 2022

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan cadangkan langkah untuk mengatasi masalah keciciran murid.

[8 markah]

42. Poster berikut berkaitan kempen bahasa kebangsaan.



Sumber: <https://dbp.gov.my/>

- (a) Jelaskan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.
[6 markah]
- (b) Terangkan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan.
[6 markah]
- (c) Mengapakah kita perlu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
[8 markah]

TINGKATAN 5 : BAB 8 MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

43. Maklumat berikut berkaitan dasar ekonomi yang dilaksanakan di negara kita.

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada 17 Jun 1991.

(a) Nyatakan matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan strategi DPN dalam aspek:

(i) Ekonomi

.....

[2 markah]

(ii) Sosial

.....

[2 markah]

(c) Jelaskan peranan rakyat dalam pembangunan ekonomi negara.

.....

[4 markah]



44. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) meneruskan usaha Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berakhir pada tahun 1990.
- (a) Jelaskan matlamat Dasar Pembangunan Negara (DPN). [4 markah]
- (b) Bagaimanakah DPN dilaksanakan di negara kita? [8 markah]
- (c) Apakah kesan sekiranya kerajaan tidak melaksanakan DPN di negara kita? [8 markah]

45. (a) Jelaskan matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN). [4 markah]
- (b) Huraikan langkah kerajaan dalam melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). [8 markah]
- (c) Teliti maklumat berikut.

Kebanyakan negara di dunia memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi meningkatkan produktiviti dan memastikan ekonomi negara dapat terus bersaing di peringkat antarabangsa. Namun, Malaysia berada pada fasa kebimbangan yang ketara berikutan kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan industri.

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) adalah institusi pendidikan berorientasikan kemahiran untuk meningkatkan jumlah modal insan berkemahiran tinggi dengan memberi penekanan terhadap amalan industri.

Negara maju seperti Jerman, Korea Selatan dan Singapura menjadikan TVET sebagai tunjang kekuatan sistem pendidikan mereka. Di Jerman, lebih kurang 60 peratus pelajarinya belajar di sekolah vokasional.

Di Malaysia, dua institusi TVET awam iaitu Institut Kemahiran Belia dan Negara (IKBN) Dusun Tua dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 1964 untuk memberi latihan kemahiran kepada belia.

Selain itu, negara di seluruh dunia kini menerima kesan pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim. Bencana seperti banjir, tanah runtuh dan gempa bumi cukup memberi kesan dahsyat kepada manusia sehingga ramai pakar tidak dapat menjangka dengan tepat bila dan di mana bencana ini akan berlaku. Bagaimanapun, ada dalam kalangan graduan TVET yang kurang memiliki kemahiran hijau yang diperlukan oleh industri.

Sumber: <https://www.hmetro.com.my/rencana>,
8 Februari 2022

Jelaskan cabaran yang dihadapi negara dan bagaimanakah cara untuk menangani cabaran tersebut?

[8 markah]

46. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada 17 Jun 1991. DPN merupakan kesinambungan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dirangka untuk tempoh 10 tahun (1991-2000) melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2).
- (a) Apakah matlamat dan objektif Dasar Pembangunan Nasional (DPN)? [4 markah]
- (b) Huraikan strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN) [8 markah]

(c) Gambar berkaitan kejayaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara

Perindustrian Berteknologi Tinggi



Sistem pengangkutan



Kereta Nasional



Lebuhraya Utara Selatan



Jelaskan pencapaian Dasar Pembangunan Nasional dan kesannya kepada rakyat Malaysia.

[8 markah]

TINGKATAN 5 : BAB 9 DASAR LUAR MALAYSIA

47.

Dasar luar dapat didefinisikan sebagai matlamat, rancangan dan tindakan yang dijalankan oleh sesebuah negara dalam usaha untuk berhubung dengan sesebuah negara yang lain.

Sumber : <http://.pmo.gov.my>

(a) Berikan **dua** pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia.

(i)

(ii).....

[2 markah]

(b) Mengapakah Malaysia perlu menjalinkan hubungan baik dengan negara luar?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam menjayakan dasar luar negara? Jelaskan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

48. Malaysia adalah sebuah negara yang aktif di persada dunia dengan keanggotaan di dalam organisasi seranta dan antarabangsa seperti Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

(a) Jelaskan sumbangan Malaysia dalam organisasi berikut :

- | | | |
|-------|-------|------------|
| (i) | ASEAN | [4 markah] |
| (ii) | NAM | [4 markah] |
| (iii) | OIC | [4 markah] |

(b)

Malaysia perlu memanfaatkan hubungan baik dengan negara luar, dan tidak menjadi ‘katak di bawah tempurung’ serta enggan bekerjasama dengan negara lain.

Sumber : <http://www.astroawani.com>

Berikan pandangan anda terhadap pernyataan tersebut.


[8 markah]

49. Kelantangan Malaysia menyuarakan ketidakadilan dalam ekonomi dan bertindak tegas bagi memastikan ekonomi negara tidak terjejas, wajar dijadikan pengajaran.

(a) Jelaskan peranan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa berikut:

- (i) Meluaskan Pasaran Ekonomi [3 markah]
 (ii) Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga [3 markah]

(b) Berdasarkan buku yang diberikan di bawah:



Buku tentang krisis kewangan Malaysia

Sumber: Mahathir Mohamad, 2000. *The Malaysian Currency Crisis*

Terangkan kesan krisis ekonomi yang melanda kebanyakan negara Asia termasuk negara kita. [6 markah]

(c) Teliti laporan berita di bawah.

KUALA LUMPUR: Ekonomi Malaysia mampu berdaya tahan dan menganjak pertumbuhan di sebalik cabaran pasaran global. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kadar inflasi menurun daripada 2.8 peratus pada Mei 2023 kepada 2.4 peratus pada Jun 2023. Pengangguran juga berjaya mencatat kadar terendah pasca pandemik sebanyak 3.4 peratus pada Jun lalu berbanding 3.5 peratus bulan sebelumnya.

Langkah-langkah untuk menstruktur semula ekonomi Malaysia serta menjamin pembangunan inklusif untuk rakyat. Beliau berkata, aspek tumpuan termasuklah menambah baik proses untuk mengendalikan perniagaan, membawa pelaburan-pelaburan berkualiti untuk menjana pekerjaan bergaji lebih tinggi, memastikan tatakelola baik, dan memperkukuh perkhidmatan awam yang berkualiti serta prasarana yang lebih baik bagi mempertingkatkan mutu hidup rakyat.

Sumber : *Laporan Bernama 18 ogos 2023*

Huraikan mesej yang terkandung dalam berita tersebut dan cadangan mengatasi masalah ekonomi semasa.

[8 markah]

50. Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas selari dengan perkembangan yang berlaku dalam ekonomi antarabangsa.

(a) Terangkan bagaimana Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi yang bermula dengan kejatuhan nilai ringgit pada tahun 1997.

[6 markah]

(b) Malaysia memainkan peranan besar dalam hubungan ekonomi antarabangsa. Jelaskan.

[6 markah]

(c) Baca maklumat berikut.

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) hari ini mengesahkan komitmen untuk mempergiat kerjasama bagi mengukuhkan hubungan ekonomi dua hala, serta di peringkat pelbagai hala dan serantau, kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Dalam satu kenyataan hari ini, ia berkata komitmen itu dizahirkan semasa pertemuan di antara Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan rakan sejawatannya dari AS, Duta Katherine Tai, selaku Wakil Perdagangan AS di Menara Miti Kuala Lumpur. Kementerian itu berkata sebagai juara dalam sistem perdagangan pelbagai hala, Malaysia dan AS berkongsi rekod prestasi yang kukuh bagi hasil progresif dalam pelbagai forum antarabangsa.

Menyedari keperluan untuk mengukuhkan integrasi ekonomi serantau, Tengku Zafrul memuji peranan AS dalam merintis Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik bagi Kemakmuran (IPEF), sebuah pakatan perdagangan serantau dengan 14 ahli yang membincangkan kemudahan perdagangan; ketahanan rantaian bekalan; tenaga bersih, penyahkarbonan dan perubahan iklim; serta cukai dan rasuah.

"Tai berkongsi bahawa AS membayangkan keputusan oleh IPEF adalah pragmatik dan berpandangan ke hadapan kerana ia bukanlah perjanjian perdagangan konvensional. "Sambil mengulangi kenyataan Tai, Tengku Zafrul menambah adalah penting bagi IPEF untuk menggariskan hasil yang ketara ke arah mencapai objektif perdagangan dan pelaburan bersama di rantau Indo-Pasifik," kata kementerian itu.

Menurut Miti, Tengku Zafrul dan Tai bersetuju bahawa pematuhan terhadap prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam perniagaan adalah cara utama untuk ke hadapan.

Sumber : Bernama, 16 Februari 2023

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan berikan komen anda.

[8 markah]

51. Gambar berikut berkaitan isu alam sekitar yang telah menyebabkan penurunan taraf kesihatan dan keselamatan penduduk di Malaysia dan Asia Tenggara.



Pencemaran alam sekitar

Sumber : <https://alamsekitarterkini.wordpress.com>

- (a) Jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia bersama-sama negara Asia Tenggara yang lain untuk mengatasi isu tersebut. [6 markah]
- (b) Mengapakah alam sekitar menjadi elemen penting dalam kehidupan manusia di seluruh dunia? Beri alasan anda. [6 markah]
- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Tidak ada bahagian bumi tidak tersentuh kesan aktiviti manusia atau pencemaran. Semakin meningkat populasi manusia dan peningkatan penggunaan per kapita, memberi kekangan besar terhadap sumber semula jadi. Peningkatan kawasan urbanisasi, perindustrian baharu dan amalan pertanian moden mencemarkan sumber air, udara dan tanah seluruh dunia. Sumber semula jadi tidak hanya dieksploitasi berlebihan, tetapi dicemari bahan kimia beracun sehingga dikhuatiri menyukarkan kelangsungan hidup generasi akan datang. Laporan World Cities Report 2020 oleh Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN HABITAT) menjelaskan pembangunan bandar terancang dapat menghasilkan nilai persekitaran sangat besar. Kecekapan sumber lebih besar bermaksud penggunaan kepada sumber tenaga lebih sedikit. Dicadangkan supaya dapat mengelak penggunaan tanah yang luas secara tidak terancang demi melindungi kawasan semula jadi dan pertanian untuk kelangsungan kehidupan masa hadapan.

Sumber ubah suai : bhrencana@bh.com.my 23 Julai 2021

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesannya terhadap negara jika pencemaran alam sekitar terus berlaku.

[8 markah]

52. (a) Bagaimanakah perkara berikut dapat memastikan Malaysia mengekalkan kelestarian global?
- (i) Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi [4 markah]
 - (ii) Menyertai Sidang Kemuncak Bumi [4 markah]
 - (iii) Membangkitkan isu Antartika sebagai Warisan Sejagat [4 markah]
- (b) Teliti poster berikut.



Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

53. Malaysia berada di barisan hadapan dalam membangkitkan isu kemanusiaan dan keamanan .

(a) Bagaimanakah rakyat Malaysia terlibat dalam misi kemanusiaan berkaitan isu yang berikut.

- i) Isu Palestin [4 markah]
- ii) Isu Syria [4 markah]
- iii) Tsunami di Aceh dan Sri Lanka [4 markah]

(b) Gambar berikut berkaitan dengan isu perjuangan di Palestin.



Rasionalkan tindakan Malaysia membantu rakyat Palestin sejak zaman Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sehingga hari ini.
Berikan pendapat anda.

[8 markah]

54. Non-Governmental Organization (Pertubuhan Bukan Kerajaan)



Kejadian Tsunami 2004 telah menarik perhatian Malaysia untuk sama-sama membantu. Terdapat NGO yang tampil ke hadapan untuk memberi bantuan.

- a. Terangkan peranan NGO berikut dalam misi kemanusiaan di Aceh dan Sri Lanka.
 - i. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) [4 markah]
 - ii. Yayasan Restu [4 markah]
 - iii. MERCY Malaysia [4 markah]
- b. Pada pendapat anda, apakah faedah yang diperolehi oleh Malaysia dengan penglibatan agensi di atas dalam memberi bantuan kepada sesebuah negara?

[8 markah]